



Rujukan :Prk.Tr.610-3/1 (64)

Tarikh :30 Mac 2026

Pengurus  
Bubbles Turtle Conservation PLT  
N0.546A, Jalan Kubur Batu 8 Seberang Kastam  
22300 Kuala Besut  
Terengganu.

Tuan,

**PERMIT MENJALANKAN PROGRAM PENGURUSAN PENYU BAGI KAWASAN  
TANJUNG TUKAS, PULAU PERHENTIAN TAHUN 2026.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dengan ini meluluskan pelantikan pihak tuan bagi menjalankan **Program Pengurusan Penyu Bagi Kawasan Tanjung Tukas, Pulau Perhentian Tahun 2026** sepertimana butiran berikut:

Tempat : Tanjung Tukas, Pulau Perhentian  
Tempoh : 30 Mac 2026 hingga 31 Disember 2026

3. Sehubungan itu, pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu memberi kebenaran kepada tuan untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan penyu di kawasan yang telah dilesenkan. Pihak tuan juga perlu menghantar data pendaratan penyu secara bulanan kepada jabatan ini dan mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan sebagaimana lampiran surat tawaran.

Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(PANG ANAK NYUKANG)**  
Pengarah Perikanan Negeri  
**TERENGGANU.**

s/k:

i. Ketua Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu Rantau Abang

Syarat-Syarat Permit Pengurusan Penyu:

- i. Melaksanakan program pengurusan penyu seperti membina hatceri pengeraman penyu, mengumpul dan merekod data pengurusan penyu di dalam hatceri di Tanjung Tukas, Pulau Perhentian.
- ii. Menghantar laporan data bulanan pendaratan, pengeraman, penetasan dan kedamparan kepada pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu sebelum 10 hari bulan sepertimana format laporan yang dilampirkan.
- iii. Laporan tahunan secara bertulis perlu dihantar kepada Jabatan Perikanan setelah selesai program ini dijalankan.
- iv. Pihak Bubbles Turtle Conservation hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu sepanjang menjalankan program pemuliharaan penyu.
- v. Pihak tuan **tidak boleh menghalang** pihak Jabatan Perikanan dan lain-lain orang yang diberi kuasa oleh Pegawai Pelesen bagi menjalankan apa-apa tugas di kawasan pajakan pada bila-bila masa.
- vi. Pihak tuan **hendaklah** mengawal setiap pendaratan penyu daripada sebarang gangguan seperti gangguan manusia atau haiwan lain.
- vii. Pihak tuan **tidak dibenarkan** menjual atau memindah milik atau memecah bahagi kawasan pajakan kepada orang lain.
- viii. Pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu atau kerajaan **tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan membayar** sebarang pampasan atau ganti rugi di atas kerugian jika berlaku malapetaka kepada pihak pemajak.
- ix. Pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu atau kerajaan **berhak** meminda atau mengubah syarat-syarat dengan notis dari masa ke semasa.
- x. Pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu atau Kerajaan Negeri boleh mengenakan tindakan mengikut **Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 1987)** atau membatalkan perjanjian kerjasama ini jika mendapati pihak pemajak tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- xi. Jika terdapat bangkai penyu mati dijumpai di pantai jagaan tuan, pihak tuan **perlu mengurus, menanam dan mengambil data** yang diperlukan untuk dilaporkan kepada Jabatan Perikanan.